

13/05/1997

Tabung Haji, BIMB perkenal program khas

TABUNG Haji dan Bank Islam Malaysia Bhd (BIMB) akan memperkenalkan satu produk pembiayaan khas bagi memudahkan golongan kelas menengah Bumiputera memiliki hartanah sendiri.

Program khas itu dijangka dilaksanakan tiga bulan lagi, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, program itu yang dianjurkan itu akan merangkumi pembiayaan bagi pemilikan hartanah seperti kedai, bangunan dan rumah.

Katanya, program itu bertujuan menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu pembabitan swasta lebih giat dalam usaha melahirkan Melayu kelas menengah yang berdaya maju, pada masa depan.

Ini kerana, ketika ini masih ada masyarakat Melayu kelas menengah yang kurang mampu memiliki hartanah sendiri terutama di kawasan pembangunan komersil yang strategik, walaupun ia diperuntukkan khusus untuk mereka.

"Ketika ini, Tabung Haji dan BIMB masih berbincang lanjut mengenai program itu terutama kaedah paling cekap yang dapat dilaksanakan bagi memudahkan pemilikan hartanah.

"Menerusi program itu, Tabung Haji akan mengambil pendekatan membeli beberapa unit hartanah di beberapa kawasan dan kemudiannya menjualkannya kembali kepada Melayu kelas menengah.

"Pembelian unit hartanah itu akan dibiayai BIMB pada kadar pinjaman paling menarik dan mudah kepada mereka," katanya selepas menyaksikan majlis pembayaran zakat perniagaan BIMB kepada beberapa pusat pungutan zakat dan jabatan agama Islam negeri.

Dr Abdul Hamid berkata, ketika ini, Tabung Haji sudah mengenalpasti beberapa projek hartanah berpotensi dibeli di beberapa kawasan strategik di seluruh negara.

(END)